

17/11/2001

Kesungguhan pemaju jamin masa depan Orang Asli

Karim Sulaiman; Mohd Yusof Sulaiman

PEMBANGUNAN Semula Tanah Rizab Orang Asli Bukit Lanjan, Selangor mencatatkan sejarah bukan saja di Malaysia, malah seluruh dunia kerana berjaya membawa masyarakat Orang Asli untuk bersama-sama dalam arus pembangunan pesat negara.

Malah projek ini, akan menjadi contoh kepada kerajaan atau pemaju swasta lain dalam melaksanakan pembangunan yang membabitkan pengambilan tanah masyarakat Orang Asli.

Pada awal rancangan pembangunan projek itu, ada pihak meragui kesungguhan kerajaan dan pemaju untuk melaksanakannya. Ada pihak mendakwa pemaju mahu mengaut keuntungan, memusnahkan kebudayaan dan penempatan Orang Asli.

Bagaimanapun, penyerahan kunci banglo oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada masyarakat Orang Asli Bukit Lanjan, semalam, menafikan tuduhan itu.

Pakej Pembangunan Semula Tanah Rizab Orang Asli Bukit Lanjan yang mengandungi komponen fizikal dan sosial pastinya menjadi nadi kepada perubahan kehidupan masyarakat minoriti itu.

Projek itu dibangunkan oleh Saujana Triangle Sdn Bhd (Saujana) anak Syarikat Kumpulan Emkay Berhad membabitkan peruntukan hampir RM61 juta.

Satu perkara yang menarik dalam projek itu ialah pemaju bukan saja menyediakan kediaman dan kemudahan prasarana selesa, bahkan memberi jaminan masa depan kepada mereka melalui pelaburan Amanah Saham Bumiputera, rumah sewa dan bayaran pampasan pokok serta usaha masing-masing.

Perkara seumpama ini tidak pernah dibuat oleh mana-mana pihak di dunia yang mana penduduk bukan saja diberikan tempat tinggal dalam persekitaran selesa, malah dibekalkan dengan aset untuk menjamin masa depan generasi mereka.

Bagaimanapun, untuk menjayakan projek itu bukanlah suatu perkara mudah, terutama membabitkan masyarakat Orang Asli yang sebatian dengan cara hidup tradisi dan turun temurun dalam hutan.

Usaha untuk mengeluarkan masyarakat Orang Asli itu daripada tanah 'tumpah darah' pastinya menghadapi banyak halangan walaupun kawasan 50 meter daripada kediaman mereka membangun dengan begitu pesat sekali.

Namun itu tidak menghalang, Saujana untuk meyakinkan masyarakat Orang Asli yang terbabit dalam projek itu bahawa pakej pembangunan disediakan kerajaan dan pemaju benar-benar menguntungkan dan menjamin masa depan mereka.

Saujana juga menyedari bahawa pelaksanaan projek itu bukan perkara mudah kerana membabitkan masyarakat yang kerap didakwa menolak pembangunan.

Begitu pun, anggapan itu tidak mematahkan semangat Saujana untuk melaksanakan projek berkenaan.

Bagi memudahkan pelaksanaan projek berkenaan Kumpulan Emkay mewujudkan satu unit khas dipanggil Unit Pembangunan Hal Ehwal Orang Asli untuk menggerak, mengawasi dan memantau pelaksanaan projek berkenaan.

Pengurus Pembangunan Hal Ehwal Orang Asli Saujana, Wan Rashdi Wan Ibrahim, berkata unit itu menjadi pengantara di antara pemaju dan masyarakat Orang Asli dalam melaksanakan setiap perancangan dalam projek berkenaan dari awal lagi.

"Projek ini untuk masyarakat Orang Asli. Mereka lebih mengetahui apa yang diperlukan oleh masyarakat mereka.

"Oleh itu dalam setiap perbincangan mengenai pelaksanaan projek itu kami tidak pernah mengecualikan mereka.

"Dalam setiap perbincangan, wakil penduduk duduk semeja membincangkan projek untuk masa depan mereka," katanya.

Dengan cara itu, pemaju dapat mendengar dan meneliti setiap keluhan dan luahan hati penduduk terhadap projek berkenaan.

"Kami mengambil kira apa saja pandangan bernas mereka dan kadang kala terpaksa mengubah suai perancangan bagi memenuhi kehendak penduduk.

"Kami tidak mahu penduduk atau pihak lain menuduh, pemaju tidak bertanggungjawab dengan membelakangkan mereka dalam proses pembangunan itu," katanya.

Ada kalanya, pemaju menghadapi kesukaran untuk meyakinkan penduduk kerana mereka kurang faham atau tidak dapat membayangkan sesuatu perancangan yang dirangka.

Contohnya, apabila memperkatakan mengenai keluasan tapak rumah, mereka pastinya tidak dapat dengan begitu mudah untuk membezakan keluasan dicadangkan melalui angka.

Bagi membolehkan mereka memahami dan membuat keputusan keluasan tapak bagi rumah masing-masing, pemaju membawa mereka ke tapak dan memasang perentang plastik mengikut keluasan tertentu bagi membolehkan penduduk membuat pilihan.

Dengan cara itu, barulah penduduk dapat membayangkan dan mengetahui keluasan tapak rumah masing-masing.

Begitu juga dengan pampasan yang diberikan kepada penduduk, pemaju dan agensi lain yang berkaitan dengan projek berkenaan, membuat bancia berkali-kali jika ada penduduk yang tidak puas hati.

Malah dalam reka bentuk, susun atur dalaman dan warna rumah pun pendapat dan pandangan penduduk diambil kira.

Begitulah terperinci dan berhati-hati pemaju dalam melaksanakan projek itu dan membuat keputusan perancangan selepas semua pihak bersetuju dengannya.

Semua ini dilakukan pemaju bagi memastikan projek pembangunan itu benar-benar memenuhi cita rasa dan aspirasi Orang Asli yang bakal tinggal di kawasan berkenaan.

Dengan cara itu, kerajaan dan pemaju berharap matlamat kerajaan membangunkan kawasan Rizab Orang Asli Bukit Lajan melalui pemberi milikan tanah untuk mempercepatkan proses kemajuan masyarakat di situ mencapai matlamatnya.

(END)